



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Datuk Syed Zaid Albar Dilantik Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Mulai 1 November 2018

Datuk Syed Zaid Albar akan dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang baharu mulai 1 November, 2018. Beliau akan menggantikan Tan Sri Ranjit Ajit Singh yang akan bersara dari jawatannya pada 31 Oktober 2018. Ini telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Syed Zaid telah bergiat dalam bidang perundangan selama 38 tahun dan mempunyai pengalaman luas tentang rangka pengawalseliaan berkaitan undang-undang sekuriti serta pasaran modal. Beliau berkelulusan Ijazah Undang-undang dari University of Westminster di United Kingdom dan kemudiannya beramal sebagai *Barrister-at-Law* dari Lincoln's Inn, London pada 1979. Beliau telah diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1980. Beliau juga telah berkhidmat di firma guaman Skrine & Co serta firma guamannya sendiri, iaitu Albar & Partners.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Ranjit atas sumbangan beliau kepada pasaran modal tempatan selama 25 tahun bertugas di SC, termasuk 6 tahun sebagai Pengerusi. Semasa SC dipimpin beliau, Tan Sri Ranjit telah berjaya mengekalkan kestabilan pasaran dengan menekankan tadbir urus korporat, walaupun berdepan dengan cabaran-cabaran berkaitan dengan tadbir urus sektor awam ekoran skandal 1MDB.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
5 Oktober 2018